

## SIARAN MEDIA

### PENGAWAL SELIA SEKTOR BERTEMU UNTUK MEMBINCANGKAN ISU PERSAINGAN

**KUALA LUMPUR, 21 DISEMBER 2018** - Jawatankuasa Khas Persaingan yang dipengerusikan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah mengadakan mesyuarat baru-baru ini. Jawatankuasa Khas tersebut merangkumi pengawal-pengawal selia dari Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Suruhanjaya Tenaga (ST), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Sekuriti (SC), Suruhanjaya Penerangan Malaysia (MAVCOM) dan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).

Wakil-wakil pengawal selia telah berkumpul bagi membincangkan isu-isu berkaitan undang-undang dan dasar persaingan untuk memastikan konsistensi dalam penggunaan undang-undang antara pengawal selia sektor serta membincangkan sebarang isu mengenai perkara merentasi bidang kuasa. Salah satu perkara utama yang diberi perhatian adalah kelulusan sebelas (11) permohonan perkhidmatan e-hailing oleh SPAD yang akan menggalakkan persaingan dalam pasaran e-hailing untuk memberi pengguna pilihan yang lebih baik.

"Perjumpaan ini adalah penting bagi MyCC untuk membincangkan isu-isu anti-persaingan yang mungkin timbul antara pengawal-pengawal selia sektor. Kesinambungan antara dasar persaingan dan dasar pengawalseliaan adalah sangat perlu bagi meningkatkan kebajikan pengguna dan kecekapan ekonomi. Sebahagian aduan yang diterima oleh MyCC adalah di luar bidang kuasa kami dan oleh itu perlu diarahkan semula kepada pengawal selia yang berkenaan," kata Dato' Seri Mohd Hishamudin Md Yunus, Pengerusi MyCC.

Beliau turut menambah, MyCC sedang merancang untuk menjemput ST, MAVCOM dan SKMM untuk bekerjasama dalam menjalankan aktiviti-aktiviti advokasi untuk mendedahkan orang ramai mengenai bidang kuasa pengawal selia masing-masing. MyCC juga telah memulakan proses meminda undang-undangnya yang merangkumi peruntukan baru mengenai penggabungan dan pengambilalihan dan

menyasarkan untuk mengumpulkan pandangan dari SC, MAVCOM, SKMM dan Bursa Malaysia.

--tamat--

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Noorliza Abdul Latiff, Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: noorliza@mycc.gov.my

**Bahagian Komunikasi dan Advokasi**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (Suruhanjaya Persaingan)**

Ditubuhkan pada April 2011, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjelaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan. Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan Suruhanjaya Persaingan, sila rujuk laman web [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).